



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;  
MENCARI KEBERKATAN  
MASA



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYDENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "ZAKAT ITU URUSAN PEMERINTAH". 1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan hamba-hamba-Nya yang mendapat rahmat dan kasih sayang serta perlindungan Allah SWT.</p>	5
<p>Pada kesempatan hari yang mulia ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk "<b>MENCARI KEBERKATAN MASA</b>".</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah Sekalian,</b></p>	6



Perjalanan waktu dan masa adalah keajaiban ciptaan Allah SWT sepertimana firman Allah SWT dalam surah Al-Asr' ayat 1-3 yang dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:

7

*"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."*

Dalam ayat tersebut, Allah menegaskan bahawa manusia yang hidup di dunia ini akan kerugian. Apa yang dapat menyelamatkan mereka adalah apabila mereka penuh dengan ciri-ciri yang disebutkan; iman, amal soleh dan berpesan-pesan kepada kebenaran dan kesabaran. Hal yang demikian bererti, kehidupan ini belum sempurna jika sekadar beriman dan beramal, tetapi hendaklah memperjuangkan tuntutan iman dan amal dengan melakukan peringatan, dakwah, seruan kepada kebenaran dengan penuh kesabaran. Kebenaran ialah apa yang telah diajarkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan hendaklah bersabar dalam menempuhi perjuangan menegakkan kebenaran itu.

8

**Hadirin Sekalian,**

Rasulullah SAW adalah individu yang sangat menitikberatkan soal kepentingan menguruskan masa dalam kehidupan. Baginda SAW pernah berpesan kepada kita supaya memanfaatkan masa dengan sebaik mungkin. Hadis daripada Abdullah Ibnu Abbas Radiallahu'anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

9

*"Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara, iaitu masa mudamu sebelum tuamu, dan sihatmu sebelum sakitmu, dan kayamu sebelum miskinmu, dan waktu lapangmu sebelum sibukmu, dan hidupmu sebelum kematianmu."*



Berdasarkan hadis di atas, jelas memberikan gambaran kepada kita semua bahawa setiap saat yang berlalu dalam kehidupan kita itu adalah amat berharga. Oleh yang demikian seorang Muslim hendaklah memberi perhatian yang serius terhadap masa dan menggunakannya semaksima mungkin untuk mencapai cita-cita dan matlamat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

10

### **Hadirin Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Banyak faktor yang menyebabkan manusia leka dan lalai dalam menguruskan masa. Antara faktor kegagalan kita dalam menguruskan masa dengan sebaiknya ialah:

1. Tidak memahami matlamat kehidupan di dunia.

Faktor ini merupakan faktor utama kegagalan manusia menguruskan masa mereka dengan sebaiknya. Mereka kurang memahami bahkan tidak memahami tujuan penciptaan dan matlamat mereka hidup di muka bumi ini. Hal yang demikian mungkin disebabkan kedangkalan mereka dalam memahami agama ditambah dengan kelalaian yang hanya mengejar ganjaran dan habuan keduniaan semata-mata sehingga buta nilai-nilai keagamaan.

11

Firman Allah SWT dalam surah Al-zariyat ayat 56:

﴿ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴾

12

*"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."*



1. Sikap malas dan sambil lewa.  Sikap seperti ini amat dikeji oleh Islam. Manusia yang mempunyai sikap seperti ini tidak akan maju dan berkembang dalam kehidupannya.	13
Nabi SAW ada mengajarkan kita suatu doa supaya terhindar daripada sikap-sikap yang buruk seperti ini dalam sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:  اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَالْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْجُبْنِ وَالْبُخْلِ،  وَضَلَعِ الدِّينِ، وَغَلْبَةِ الرِّجَالِ	14
<i>"Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada dukacita dan rasa sedih, daripada lemah dan malas, sifat pengecut dan bakhil dan daripada bebanan hutang dan penindasan orang."</i>  <i>(Riwayat al-Bukhari).</i>	15
2. Sikap suka bertangguh dan membuang masa.  Sikap seperti ini turut dicela dan dikeji oleh Baginda nabi SAW	16
sebagaimana Abdullah bin Umar Radiallahu'anhuma bahawa beliau berkata:  إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرُ الصَّبَاحَ، وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرُ الْمَسَاءَ	17



<p><i>“Apabila kamu berada pada waktu petang, janganlah kamu menanti pagi dan apabila kamu berada di pagi hari janganlah kamu menanti petang.”</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	18
<p>Kesemua tabiat buruk tersebut mestilah dihadapi oleh kita dengan penuh mujahadah melawan diri sendiri. Orang yang bermujahadah tidak akan membiarkan dirinya diperhambakan oleh hawa nafsu, sebaliknya dialah yang mengawal hawa nafsunya.</p> <p><b>Muslimin sekalian,</b></p>	19
<p>Manusia sering memohon kepada Allah agar diberikan umur yang panjang. Namun, ajal adalah qada' mubram telah ditentukan oleh Allah SWT yang berubah. Maksud umur yang panjang ialah umur yang berkat, umur yang tidak disusuli dengan amal ketaatan dan mendapat keberkatan atas anugerah umur yang dikurniakan Allah.</p>	20
<p>Firman Allah SWT dalam surah Al-A'raf ayat 96:</p> <p>وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾</p>	21



<p><i>“Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”</i></p>	22
<p>Ayat ini menyebut soal keberkatan. Barakah membawa maksud bertambah atau berkembang. Maka barakah adalah penambahan atau kelangsungan kebaikan atau kurniaan Allah kepada sesuatu. Jika Allah berkati masa kita bererti berlaku penambahan dan kebaikan. Maka sejam yang diberkati tentu berbeza dengan sejam yang tidak diberkati. Setahun yang diberkati sudah tentu berbeza dengan setahun yang tidak diberkati.</p>	23
<p>Oleh yang demikian, kita akan mendapati insan-insan yang berkhidmat untuk kemaslahatan manusia, Allah memberkati umur mereka. Hasil yang dikeluarkan dan jasa yang ditaburkan kadang-kala tidak dapat dilakukan oleh orang lain meskipun jika diberikan masa yang berganda. Sebagai contoh Imam al-Nawawi meninggal di usia 40 tahun tetapi meninggalkan kitab-kitab tulisannya yang cukup banyak dalam pelbagai ilmu.</p>	24
<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, maka ketahuilah bahawa masa adalah umur kita. Justeru:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah menghargai masa semampu yang mungkin kerana sekali ia pergi, maka tidak akan kembali lagi, walaupun sekali.</li><li>2. Umat Islam hendaklah mengisi masa dengan amalan-amalan yang berfaedah dan janganlah mensia-siakannya.</li><li>3. Umat Islam hendaklah mengurus masa dengan sebaiknya kerana masa umpama pedang, jika kamu tidak memotongnya maka ia akan memotong kamu.</li></ol>	25



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَى عَلِيمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾</p>	26
<p><i>"Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".</i></p> <p>(Surah al-Taubah : 105).</p>	27
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31





## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p>	1
<p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	6
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarat dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	7



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	8
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	9
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	10
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	11
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	12
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	13
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	14



اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	15
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	16
Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.	17
Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu	18
Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.	19
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	20



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	21
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾	22
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾	23
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	24